

## **BAB PERTAMA**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Bidang ketenteraan merupakan suatu aspek penting dalam Islam. Bidang yang mempunyai kaitan rapat dengan aspek pertahanan negara dan ketahanan ummah. Sesebuah negara lazimnya akan kukuh dan dihormati apabila mempunyai angkatan tentera yang kuat dan mantap serta canggih dari segi persenjataan.<sup>1</sup> Oleh sebab itu, perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. semasa menegakkan kerajaan Islam pertama di Madinah ialah membentuk jentera pertahanan serta mengasaskan angkatan tentera yang mampu menjadi benteng kepada negara dan umat Islam.<sup>2</sup> Lantaran itu negara Malaysia khususnya, meletakkan keutamaan kepada barisan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai pemegang amanah ini sekaligus melaksanakan persediaan bagi menyahut seruan jihad ini.

Kepentingan dalam perang adalah selari dengan seruan jihad yang dianjurkan oleh Islam. Maka Allah telah meletakkan prioriti bagi golongan yang menyertainya seperti mana dalam Firman Allah s.w.t melalui surah al-Hajj:

---

<sup>1</sup> Mej Jen Dato' Hj Jamil Khir bin Baharom, *Panduan Kehidupan Ketenteraan*, (2008), Kuala Lumpur, Kor Agama Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan, hlm 2.

<sup>2</sup> Kor Agama Angkatan Tentera, *Kepimpinan Tentera Menurut Pandangan Islam*, (1990), Kuala Lumpur, Kementerian Pertahanan, hlm 2.

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۗ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ  
مِنْ حَرَجٍ

Terjemahan:

*Dan berjihadlah kamu di jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu, dan Dia tidak akan menjadikan kesukaran untuk kamu dalam agama.*<sup>3</sup>

Surah al-Hajj (22: 78 )

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa janji Allah itu pasti kepada pejuang-pejuang agama-Nya. Justeru itu, Dia dan Rasul-Nya amat mencintai seseorang yang bangga ketika berperang dan bertemu dengan musuh sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Sesungguhnya di antara kebanggaan yang dicintai oleh Allah. Adapun bangga yang dicintai Allah adalah bangga seseorang kepada diri sendiri ketika perang dan ketika bersedekah”*<sup>4</sup>

(Riwayat Abu Daud)

Ditafsirkan oleh pelbagai kalangan ulama bahawa, bangga ketika berperang bermaksud apabila masuk ke medan perang dengan semangat jiwa, kekuatan hati, menampakkan kesabaran, kebanggaan dan merendahkan musuh untuk memberikan

<sup>3</sup> Al Quran Terjemahan Resam Uthmani Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *al-Hajj*, h.341.

<sup>4</sup> Shahih Sunan Abi Dawud, Nombor 2.316

kegerunan kepada musuh<sup>5</sup>. Demi kemaslahatan ummah, maka kepentingan serta kedudukan ketenteraan dalam Islam berada di barisan hadapan (*front liner*). Untuk menjadi *Front liner* kepada Islam, ruh jihad menjadi perkara utama dalam pembentukan tentera yang benar-benar mantap.

Justeru itu, kajian yang bertajuk: “**Sumbangan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam Aktiviti Keagamaan: Kajian Dalam Batalion Ke-21 RAMD**” adalah berkenaan dengan peranan serta sumbangan yang telah dimainkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) iaitu sebuah unit yang bertanggungjawab memberi bantuan pendidikan kerohanian berdasarkan ciri-ciri Islam di kalangan anggota ATM dan lebih khusus lagi adalah di dalam pasukan Batalion Ke-21 RAMD.<sup>6</sup> Kajian ini sangat penting untuk melihat sumbangan dan menilai keberkesanan aktiviti dan program yang dijalankan oleh KAGAT seterusnya menambah baik dan memperbanyakkan lagi di kalangan anggotanya. Sesungguhnya, tugas menyeru manusia ke arah kebaikan dan kebenaran adalah tugas yang berat dan wajib dilaksanakan selaku umat yang dipilih sebagai umat yang terbaik oleh Allah S.W.T.

---

<sup>5</sup> Adnan Tharsyah ( 2004 ), *Manusia Yang dicintai dan Dibenci Allah: Kunci- Kunci Menjadi Kekasih Allah*, Vivi Sofia Anita (terj), Maktabah Ubaikan, Cairo.

<sup>6</sup> Kor Agama Angkatan Tentera, *Perintah Tetap Kor Agama Angkatan Tentera*, Kuala Lumpur, Kementerian Pertahanan, hlm 1.

## 1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Islam memandang serius ke arah pembentukan dan penyediaan angkatan tentera. Ia bukanlah sesuatu yang *tabi'e* (tabiat) semata-mata. Ertinya bukanlah disebabkan adanya musuh atau ancaman ke atas sesebuah negara menyebabkan sesebuah negara itu membentuk angkatan tentera yang dapat menaungi persoalan keselamatan dan pertahanan. Sebenarnya, pembentukan angkatan tentera adalah sesuatu yang diperintah oleh Allah s.w.t. kepada setiap umat Islam. Firman Allah dalam Surah al-Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ  
اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا  
مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Terjemahan:

*“Dan bersedialah untuk menghadapi mereka (musuh-musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang termampu, daripada kuda-kuda perang yang ditambat untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi”.*<sup>7</sup>

(Surah *al-Anfal* (8: 60))

<sup>7</sup> Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Yayasan Restu, *al-Anfal*, h. 186.

Ayat di atas menjelaskan kepada umat Islam agar sentiasa mempersiapkan diri dengan segala kemampuan yang mereka miliki. Hal ini kerana, Islam sentiasa mementingkan kesempurnaan meskipun dalam persiapan ketenteraan. Perkara ini penting agar tentera Islam sentiasa bersiap sedia dan berwaspada bagi menghadapi sebarang kemungkinan agar mereka tidak akan dikejutkan oleh musuh-musuh yang tidak diduga yang akan menyerang mereka.

Islam juga meletakkan nilai tertinggi bagi mereka yang berjihad menentang musuh-musuh Islam. Adapun begitu pandangan dan tindakan Islam berbeza bagi dua bahagian musuh Islam yang dinyatakan, seperti *kafir zimmi* dan *kafir harbi*. Dalam konteks perang, Islam tidak mengharuskan perang ke atas *kafir zimmi* sebaliknya meletakkan hukum fardhu Ain ke atas memerangi *kafir Harbi*<sup>8</sup>.

Namun perang mengandungi rahmat bagi manusia dan kebaikan bagi mereka dalam mempertahankan maruah diri, agama dan bangsa. Islam yang *hanif* menganggap perang adalah suatu tindakan wajar yang harus dilakukan oleh sesebuah negara Islam bagi tujuan mewujudkan keadilan dan membersihkan daripada kezaliman. Oleh itu perang disyariatkan demi mempertahankan diri, kehormatan, harta, tanah air serta menghindarkan daripada kesulitan dan keseksaan<sup>9</sup>.

---

<sup>8</sup> Mohd Liki Hamid, *Pengajian Tamadun Islam Edisi ke-2*, Pts Professional, h. 144.

<sup>9</sup> Mohd Shauki Abd Majid (2004), *Wacana Hadhari Dalam Islam*, Yayasan Pembangunan Buku Negara, h. 500.

Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَتِّلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٦﴾ الَّذِينَ  
أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ  
النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَهَدَمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا  
اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٣٧﴾  
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلِيبٌ ﴿٣٨﴾

Terjemahan:

*“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar kecuali karena mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah". Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid- masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa (yaitu) orang-*

*orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi niscaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar dan kepada Allah-lah kembali segala urusan”.*<sup>10</sup>

Surah al-Hajj (22: 39-41)

Dalam usaha membentuk angkatan tentera yang mantap dan digeruni, sesebuah negara itu sewajarnya mengetahui formula untuk melahirkan anggota-anggota yang cekap dan berwibawa di medan perang. Oleh hal demikian, formula jihad yang menjadi sumber kekuatan umat Islam justeru menakutkan musuh Islam walau secanggih mana senjata yang dimiliki. Menurut Syeikh Abdul Halim Mahmud Ali Ahmad, bekas Rektor Universiti al-Azhar, jihad dalam Islam perlu disertai persiapan mental yang kuat bagi menghadapi salah satu daripada dua situasi yang akan dihadapi iaitu menang dan syahid. Keteguhan jiwa seperti ini merupakan cerminan daripada iman yang kuat dan selanjutnya akan mengorbankan kekuatan yang besar menghadapi musuh<sup>11</sup>

Inilah antara misi penting yang diusahakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) melalui pelaksanaan “Dasar Pembinaan Mental dan Rohani Islam ATM”. Dengan penerapan nilai-nilai Islam yang terbukti mampu membendung nilai-nilai jahiliah dan penjajah menjadi pejuang-pejuang Islam yang unggul, dengan tiupan rohani Islam akan menyerap disetiap sudut hati nurani anggota tentera sekaligus menjadi senjata yang paling efisien dalam membentengi negara Malaysia khususnya dan umat amnya.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Yayasan Restu, *al-Hajj*, h. 345.

<sup>11</sup> *Ibid*, h. 502.

<sup>12</sup> Kor Agama Angkatan Tentera, *Buletin At-Tajdid*, Buletin Rasmi Kor Agama Angkatan Tentera, Bil 1/2006, Kuala Lumpur,

Namun begitu, terdapat juga segelintir kecil golongan yang masih mempertikai dan meragui akan sumbangan KAGAT dalam ATM. Golongan ini beranggapan bahawa KAGAT tidak ubah seperti “melukut di tepi gantang”, kehadirannya tidak membawa sebarang erti khususnya kepada warga tentera di mana-mana batalion, kewujudannya hanya dirasai ketika membaca doa dan majlis-majlis yang dianjurkan oleh pihak atasan.

Golongan yang memandang rendah kepada sumbangan KAGAT ini perlu disedarkan dengan hakikat kepentingan KAGAT dalam organisasi ATM. Ia menjadi elemen paling penting dalam melancarkan gerak kerja ketenteraan negara. KAGAT yang diamanahkan dengan tugas-tugas kerohanian Islam senantiasa melipatgandakan usahanya bagi memenuhi keperluan dan harapan sebagai “Pemangkin Kerohanian ATM” melalui sepenuh tenaga dan meluas ke seluruh kepakaran.

Penulis ingin menjelaskan bahawa dalam menjalankan penyelidikan ilmiah ini, penulis telah memilih ‘KAGAT’ sebagai subjek kajian, lantaran ia adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab menerapkan ‘Dasar Pembinaan Mental dan Rohani Islam’ yang merupakan elemen penting dalam pembentukan kerohanian Angkatan Tentera Malaysia yang membentengi umat dan negara ini. Ia telah ditubuhkan pada 16 April 1985 dan telah banyak memberi sumbangan dalam segenap aspek kepada masyarakat khususnya ATM dan ianya terkenal dalam negara dan dunia antarabangsa khususnya dikalangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)<sup>13</sup>, sering mendapat perhatian masyarakat mahupun kerajaan. Penglibatan penulis sebagai Pegawai Agama dalam Angkatan Tentera Malaysia dan telah

---

Kementerian Pertahanan, hlm 4.

<sup>13</sup> <http://min-def.blogspot.com/2009/04/kagat-menyubur-jiwa-atm.html>.

berkhidmat di ketiga-tiga perkhidmatan sama ada perkhidmatan Tentera Darat, perkhidmatan Tentera Laut dan perkhidmatan Tentera Udara memudahkan lagi penulis membuat kajian. Menerusi ini, penulis ingin memberi pendedahan publisiti KAGAT kepada masyarakat umum.

Merujuk kepada tajuk ini juga, penulis merasakan amat penting untuk menggariskan latar belakang kajian yang dibuat. Penekanan kepada latar belakang kajian tersebut tertumpu kepada sebelum penubuhan rasmi KAGAT dan selepas penubuhannya. Bagi memudahkan perbincangan ini, maka penekanan dibuat berdasarkan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

- a. Pendahuluan.
- b. Sejarah ringkas ATM dan Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD).
- c. Sejarah penubuhan KAGAT.
- d. Pelaksanaan aktiviti keagamaan.

## **1.2 MASALAH KAJIAN**

Kajian ini adalah merupakan kajian yang tertumpu kepada Angkatan Tentera Malaysia khususnya Kor Agama Angkatan Tentera atau sinonim dengan panggilan KAGAT di kalangan ATM mahupun masyarakat awam. Sehubungan dengan itu, perumusan masalah kajian di dalam bahagian ini boleh dibuat seperti berikut:

1. Kedudukan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
2. Persediaan serta persiapan dari sudut ketenteraan terhadap sesebuah negara terutamanya bagi negara Islam.
3. Sumbangan berbentuk keagamaan dan nilai murni yang telah dimainkan oleh KAGAT terutamanya dalam mempengaruhi aktiviti-aktiviti serta program di dalam ATM.
4. Maklum balas dan kejayaan yang telah dicapai oleh KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan di dalam ATM.

Beberapa aspek yang berkaitan dengan KAGAT diketengahkan dalam kajian ini terutamanya dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti keagamaan. Ia merupakan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ibadat, ilmu pengetahuan, akhlak, motivasi dan maklum balas terhadap aktiviti keagamaan bagi mengenalpasti sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan terhadap warga ATM khususnya di Batalion Ke-21 Rejimen Askar Melayu DiRaja (21 RAMD).

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Setiap kajian pasti mempunyai objektif yang ingin dicapai. Maka penulis telah meletakkan beberapa objektif untuk dicapai pada akhir kajian ini. Objektif-objektifnya adalah seperti berikut:

- a. Memberi maklumat pengetahuan secara umum berkenaan kedudukan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- b. Mengkaji sumbangan yang telah dimainkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama dalam aspek membangunkan *sahsiah* (akhlak dan nilai murni) serta keagamaan kepada anggota ATM.
- c. Mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh KAGAT serta sumbangan yang dilaksanakan kepada warga ATM.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Penulis meletakkan KAGAT sebagai subjek kajian. Lantaran itu, penulis melakukan kajian penulisan ini bukan hanya sekadar untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi keperluan Ijazah Sarjana bagi sesi 2004/2005 secara berkursus dan disertasi, bahkan terdapat beberapa kepentingan lain antaranya adalah seperti berikut:

- a. Untuk memberi pendedahan tentang KAGAT dengan lebih dekat terutamanya tentang sejarah penubuhan dan sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan ke arah penerapan nilai-nilai Islam dalam ATM.

- b. Dapat memulihkan imej dan meluaskan publisiti serta penonjolan KAGAT kepada masyarakat umum di samping membuktikan bahawa KAGAT memainkan peranan penting dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan.
- c. Untuk menambah pengetahuan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya dan masyarakat umum mengenai KAGAT dengan lebih jelas apabila disertasi ini siap dibukukan dan diletakkan di perpustakaan.

## 1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis adalah pernyataan sementara tentang sesuatu yang kebolehan percayaanya biasanya tidak diketahui. Secara logiknya berasaskan prinsip teori dan membuat suatu agakkan tentang hasil penyelidikan yang akan diperolehi.<sup>14</sup> Hipotesis juga merupakan jawapan sementara kepada permasalahan kajian melalui proses deduksi. Tujuan sesuatu hipotesis ialah untuk memberi halatuju kepada perjalanan penyelidikan. Ia juga menimbulkan kesedaran kepada penyelidik supaya lebih peka kepada perkara-perkara yang relevan dengan permasalahan kajian.<sup>15</sup> Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1983) pula, kaedah saintifik tersebut bertujuan menguji keesahan fikiran awal terutamanya tentang:

- a. Hakikat masalah.
- b. Jawapan yang mungkin kepada masalah tersebut.
- c. Fakta (data) untuk menguji tanggapan awal (saranan atau hipotesis).

---

<sup>14</sup> Sulaiman Masri, *Teknik Penulisan Ilmiah*, Kertas Kerja Fakulti Bahasa Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

<sup>15</sup> Sulaiman Masri, (1949), *Kedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan ( Esei, Proposal Tesis )*, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 38

- d. Bagaimanakah fakta itu disusun, dikelas dan ditafsirkan untuk mengesah atau menolak tanggapan awal.

Sebagaimana yang dinyatakan hipotesis timbul daripada komunikasi peribadi pihak-pihak yang terlibat dengan sesuatu masalah. Dalam hal ini, penulis membuat hipotesis berdasarkan kepada pemahaman tentang teori dan pengalaman penulis sendiri, pembacaan dan penyelidikan secara langsung mengenai ATM umumnya dan KAGAT khususnya, pergaulan penulis dengan warga ATM dan pelaksanaan aktiviti keagamaan yang telah dilaksanakan oleh penulis ketika berada di Batalion Ke-21 RAMD, di Markas Medan TD, KD Pelandok Pangkalan TLDM Lumut dan di Pangkalan Udara Subang.

Secara ringkasnya, hipotesis kepada masalah kajian yang telah diutarakan di atas boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Penubuhan KAGAT di dalam ATM telah menyumbang kepada perkembangan syiar dan nilai-nilai Islam terutamanya kepada anggota ATM.
- b. Kekurangan penghayatan agama dan ketandusan ilmu pengetahuan adalah punca kepada kemunduran nilai agama kepada anggota ATM.
- c. Pendekatan seruan dakwah kepada Islam secara fleksibel dan bersesuaian memainkan peranan yang penting dalam membangunkan nilai-nilai Islam kepada anggota ATM.
- d. Sumbangan KAGAT terhadap pembangunan nilai Islam di dalam ATM telah memberi kesan secara tidak langsung kepada masyarakat umum iaitu persepsi (pandangan) yang positif kepada ATM.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Fokus utama kajian yang akan dibuat oleh penulis ialah untuk mengetengahkan sumbangan Kor Agama Angkatan Tentera atau 'KAGAT' kepada masyarakat umum selain membentangkan sejarah penubuhan dan peranan KAGAT, perbincangan khusus berkait pelaksanaan aktiviti keagamaan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pelaksanaannya dalam Batalion Ke-21 Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD).

Seterusnya, penulis turut membentangkan stuktur organisasi ATM ataupun Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab merumuskan dasar-dasar pertahanan dan memastikan pelaksanaannya oleh ATM. Skop kajian diperincikan seperti berikut:

- a. Pertubuhan atau organisasi yang dipilih. ATM dan KAGAT telah dipilih oleh penulis sebagai subjek bagi kajian ini. Terdapat pelbagai aspek yang boleh dijadikan bahan kajian para penyelidik terhadap ATM dan KAGAT itu sendiri. Misalnya, dari sudut sejarah penubuhan, struktur organisasi, idealisme perjuangan, pendekatan, daya kepimpinan dan sebagainya. Namun begitu, aspek yang akan diberi penekanan oleh penulis dalam kajian ini ialah sumbangan KAGAT terhadap pelaksanaan aktiviti keagamaan dalam Batalion Ke-21 RAMD. Aspek lain yang berkaitan dengan KAGAT ialah sejarah penubuhan serta struktur organisasinya juga akan turut disentuh bagi membolehkan pembaca memahami organisasi yang menjadi fokus kajian ini iaitu KAGAT dalam ATM. Ini adalah kerana, KAGAT tidak dapat

berperanan tanpa didokong oleh anggota yang mantap dan tersusun di samping sentiasa sahaja berada di arus perdana tanpa menggadai prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Saff ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَانَهُمْ بَنِينَ  
مَرَّضُونَ

Terjemahan:

*“Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berperang di jalan-Nya (untuk membela agama-Nya) dalam barisan yang teratur bagaikan sebuah bangunan yang tersusun kukuh”.*<sup>16</sup>

(Surah *al-Saff* (61: 4))

- b. Bidang Kajian. Kajian akan menumpukan kepada aspek peranan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan. Oleh itu, perbincangan akan lebih banyak tertumpu kepada KAGAT dan 21 RAMD itu sendiri dengan mengkajinya dari sudut teori, sejarah dan proses perkembangannya. Dalam membincangkan tentang KAGAT, penulis turut mengetengahkan ATM kerana daripadanya telah wujud KAGAT dan cabang-cabang yang berkaitan dengannya.

---

<sup>16</sup> Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *al-Saff*, h. 566.

Kesimpulannya, dua fokus utama penulis ialah sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan ke arah dan kerelevanan penerapan ‘Dasar Pembinaan Mental dan Rohani kepada warga Islam ATM khususnya di Batalion Ke-21 RAMD.

## **1.7 SOROTAN LITERATUR**

Hasil daripada pembacaan yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa sudah ada kajian dan perbincangan yang berkaitan dengan KAGAT mahupun yang berkait rapat dengan nilai-nilai kerohanian di ATM, selain itu terdapat juga penulisan berkait dengan peranan yang dimainkan oleh KAGAT dalam aktiviti keagamaan dalam pembangunan masyarakat Islam di ATM. Kajian-kajian mengenainya sebelum ini hanya menyentuh serba sedikit tentang ATM terutamanya KAGAT secara umum. Namun, kajian khusus mengenai sumbangan aktiviti keagamaan dalam batalion belum lagi dikupas oleh mana-mana pengkaji secara lebih mendalam. Antara rujukan<sup>17</sup> yang digunakan adalah :

**1. Burhanuddin Bin Jalal, “Penghayatan Islam di kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia”, kertas projek Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya<sup>18</sup> :**

Tesis ini telah menjelaskan bahawa penghayatan Islam telah terhasil dari fenomena kebangkitan semula Islam menyebabkan masyarakat Islam di negara ini mula mempunyai kecenderungan untuk menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup dengan tidak tertumpu

---

<sup>17</sup> Sulaiman Masri (2005), *Kaedah Penyelidikan dan Penulisan (Esei, proposal dan tesis)*, Kuala Lumpur, Utusan Publishing and Distributor Sdn Bhd.

<sup>18</sup> Burhanuddin Bin Jalal, “*Penghayatan Islam di kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia*”, Kertas Projek Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

kepada amalan ritual sahaja. Dalam konteks ini institusi Angkatan Tentera Malaysia melalui Kor Agama Angkatan Tentera yang telah ditubuhkan pada tahun 1985, telah berusaha untuk membina penghayatan Islam dalam kalangan anggotanya membentuk kekuatan anggota dari aspek spritual dan mental agar mempunyai daya tempur yang kuat bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Oleh yang demikian, kajian doktor falsafah beliau telah dilakukan untuk melihat sejauh manakah usaha-usaha dakwah dan pendidikan Islam yang telah dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera melalui program Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia. Kajian perpustakaan, kaedah kaji selidik, temubual dan pemerhatian telah digunakan bagi memperoleh data berkaitan dengan penghayatan Islam anggota Angkatan Tentera Malaysia. Kajian soal selidik telah dijadikan instrumen kajian lapangan untuk melihat sejauh manakah penghayatan Islam dari aspek akidah, ibadah dan juga akhlak. Kajian telah dilakukan terhadap 383 orang responden anggota ATM yang telah dijadikan sampel kajian. Teknik pengambilan sampel secara rawak telah digunakan dan keseluruhan hasil kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 16.0 secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghayatan Islam dalam kalangan anggota Tentera Malaysia adalah tinggi dan ini menunjukkan bahawa program Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Angkatan Tentera Malaysia telah berkesan. Secara keseluruhannya kajian ini juga membuktikan bahawa usaha-usaha Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) untuk membina penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah tercapai.

**2. Mohd Jaafar bin Awang, “*Insurans Berkumpul: Suatu Analisis Dari Segi Teori dan Amalan Dalam Angkatan Tentera Malaysia*”, Tesis Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**<sup>19</sup>

Tesis ini adalah berkaitan dengan Penilaian yang dibuat oleh penulis daripada pembacaan penulisan ini mendapati bahawa kupasan yang telah dibuat oleh penulis bertujuan untuk meneliti adakah pelaksanaan Skim Insurans Berkumpul Angkatan Tentera di Koperasi Tentera (SIBAT) sudah menepati syariat Islam serta dapat menepati objektif penubuhannya. Penemuan kajian ini juga mendapati bahawa konsep SIBAT di Koperasi Tentera sudah menepati konsep insurans kerjasama (koperatif) menurut pandangan Islam. Walau bagaimanapun dari sudut pelaksanaannya, SIBAT masih gagal untuk memenuhi sepenuhnya apa yang dituntut oleh syariat Islam dan objektif penubuhannya. Hasil penemuan lain ialah SIBAT masih gagal untuk mencapai sepenuhnya objektif utama penubuhannya untuk membantu para ahli yang terdesak atau ditimpa kesusahan dengan menyediakan perkhidmatan insurans yang benar-benar berfaedah, murah dan tidak membebankan.

**3. Mohd Mazli b Mohd Aini, “*Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera: Analisis terhadap pembangunan Akhlak Tentera Malaysia*”, kertas projek Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Mohd Jaafar bin Awang, “*Insurans Berkumpul: Suatu Analisis Dari Segi Teori dan Amalan Dalam Angkatan Tentera Malaysia*”, Tesis Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>20</sup> Mohd Mazli b Mohd Aini, “*Pentadbiran Organisasi Kor Agama Angkatan Tentera: Analisis terhadap pembangunan Akhlak Tentera Malaysia*”, kertas projek Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Penulis telah mengenal pasti berdasarkan penyelidikan tersebut telah dibuat bertujuan untuk menilai dan meneliti apakah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) telah berjaya mencapai salah satu daripada matlamat penubuhannya iaitu membangun dan mendidik akhlak warga tentera agar ianya sinonim dengan akhlak sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Bagi memenuhi tujuan tersebut, satu kajian dan penganalisan telah dibuat terhadap peranan dan tugas yang telah dimainkan oleh KAGAT dan kesan yang telah diperolehi oleh warga tentera hasil daripada usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kor tersebut di dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Penulis juga telah melakukan temubual, mengedarkan borang kajiselidik dan menemuramah pegawai pegawai dan anggota bawahan bagi menilai prestasi KAGAT dalam melaksanakan tugasnya meningkatkan kualiti akhlak warga tentera.

Penulis juga menyatakan bahawa walaupun tidak dinafikan masih terdapat banyak perkara yang melibatkan akhlak warga angkatan tentera yang belum diselesaikan, namun langkah-langkah bagi mengurangkan gejala tersebut tetap diusahakan walaupun kadangkadang ianya tidak mendapat kerjasama seutuhnya daripada pihak-pihak yang terbabit. Ini adalah kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis di dalam disertasinya bahawa peranan KAGAT hanyalah memberi nasihat terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan hal keagamaan namun pencapaian sebenarnya adalah tertakluk kepada kebenaran dan kehendak pihak atasan dalam merealisasikan setiap cadangan dan nasihat yang diutarakan oleh KAGAT.

Hasil daripada penyelidikan ini, penulis mendapati bahawa KAGAT sebenarnya hampir berjaya melaksanakan tanggungjawabnya di dalam membangunkan akhlak warga

tentera walaupun kejayaan tersebut tidak boleh dianggarkan 100%. Penulis telah beranggapan sedemikian adalah kerana berdasarkan kepada suasana dan iklim yang wujud di dalam organisasi ketenteraan di Malaysia sebelum dan selepas tertubuhnya Kor Agama. Di akhir penulis telah memberikan juga cadangan dan saranan bagi meningkatkan kualiti akhlak warga tentera agar ianya sejajar dengan kehendak Islam.

**4. Khairul Fauzi bin Azmi, “Analisis Amalan British Dalam Pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia Menurut Perspektif Islam”, Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.<sup>21</sup>**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis dan meneliti amalan-amalan peninggalan British dalam pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia. Penulis juga telah membuat kajian dan penelitian terhadap amalan-amalan tersebut menurut perspektif Islam dari sudut siasah syar’iyyah dan hukum Islam. Segala pengaruh dan ciri-ciri budaya barat dari semasa ke semasa telah dihapuskan dan kini warga Angkatan Tentera Malaysia telah menghayati cara hidup Islam dalam segenap aspek.

**5. Zalina binti Yaakob “Penerbitan Media Cetak Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT): Suatu Kajian Keberkesanannya di Kementerian Pertahanan Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur”, tesis Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya Kuala Lumpur.<sup>22</sup>**

---

<sup>21</sup> Khairul Fauzi bin Azmi, “Analisis Amalan British Dalam Pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia Menurut Perspektif Islam”, Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<sup>22</sup> Zalina binti Yaakob “Penerbitan Media Cetak Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT): Suatu Kajian Keberkesanannya di Kementerian Pertahanan Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur”, tesis Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Kajian ini adalah berkisar kepada keberkesanan hasil daripada penerbitan KAGAT terhadap kakitangan di Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Adakah ianya mendapat sambutan dalam penyampaian dakwah dan sejauhmana keberkesanannya kepada anggota.

**6. Gamarofizan Zainal Abidin. “Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT): Peranannya Di dalam Meningkatkan Kefahaman Islam Di kalangan Anggota. Suatu Kajian Khusus di Kem Terendak Melaka”. Kertas Projek Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.<sup>23</sup>**

Kertas projek kajian ini membicarakan peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT di Markas 3 Division dalam meningkatkan kefahaman Islam di kalangan anggota tentera di Kem Terendak dan penerimaan masyarakat tentera beragama Islam yang telah menyambut baik segala program keagamaan yang dilaksanakan oleh KAGAT di samping perubahan yang telah berlaku di dalam ‘ *Social life* ’ masyarakat tentera khususnya.

Secara keseluruhannya, penulisan yang dinyatakan di atas belum menyentuh berkait sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan dalam batalion secara spesifik dan khusus terutamanya di 21 RAMD. Dengan ini penyelidikan yang dibuat oleh penulis akan tertumpu kepada sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan, kajian dalam Batalion Ke-21 RAMD.

---

<sup>23</sup> Gamarofizan Zainal Abidin. “Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT): Peranannya Di dalam Meningkatkan Kefahaman Islam Di kalangan Anggota. Suatu Kajian Khusus di Kem Terendak Melaka”. Kertas Projek Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan sangat penting dalam menghasilkan maklumat dan kesimpulan kajian.<sup>24</sup> Metodologi adalah bidang kajian ilmiah yang menumpukan perhatian pada perkara-perkara kebenaran, penghuraian dan penjelasan kaedah dan prosedur-prosedur pada berbagai-bagai kaedah ilmiah.<sup>25</sup> Oleh itu, kebiasaannya sebuah metodologi penyelidikan akan mempunyai pengertian yang luas dan memerlukan lebih eksplisit di dalam penyelidikan.<sup>26</sup>

Di antara metodologi kajian yang akan digunakan oleh penulis bagi menghasilkan penulisan ini adalah melalui:

- a. Penyelidikan Lapangan
- b. Penyelidikan Perpustakaan

### a. Penyelidikan Lapangan.

Prioriti dalam memilih metodologi yang sesuai dengan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif adalah melalui penyelidikan lapangan. Melalui kaedah ini melibatkan proses perhitungan seperti soal selidik dan observasi dimana setiap respons atau reaksi dihitung untuk mengetahui kekerapannya.<sup>27</sup>

---

<sup>24</sup> Sulaiman Masri, *op.cit* (Bab Metodologi).

<sup>25</sup> Nor Hashimah Jalaluddin, *Budaya Penyelidikan dan Penerbitan Bertamadun Tinggi*, Kertas Kerja Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, University Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

<sup>26</sup> Louay Safi ( 1998 ), *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan, Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, Nur Hadi Ihsan ( terj.), Kuala Lumpur, International Institute of Islamic Thought Malaya, h 4.

<sup>27</sup> Idris Awang ( 2009 ), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 68.

## **b. Penyelidikan Perpustakaan.**

Dalam mendapatkan maklumat secara kualitatif<sup>28</sup>, penulis memperoleh daripada sumber-sumber serta maklumat daripada Perpustakaan Kementerian Pertahanan, Perpustakaan Jabatan Arah KAGAT, Perpustakaan Batalion Ke-21 dan perpustakaan awam yang ada kaitan dengan penulisan ini. Data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan seperti buku, majalah, risalah, jurnal, keratan akhbar dijadikan sandaran kepada teori. Antara contoh bahan yang akan diperlukan daripada perpustakaan adalah maklumat berkenaan dengan KAGAT seperti sejarah penubuhannya, keratan akhbar berkenaan dengan KAGAT, buku-buku yang diterbitkan oleh KAGAT di samping keperluan-keperluan lain yang dirasakan perlu bagi menguatkan kajian ini. Seterusnya, metod ini juga akan digunakan oleh penulis bagi memahami landasan teori yang berkaitan dengan sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan kerana perbincangan yang berkaitan dengan sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan merupakan nadi kepada penulisan ini. Selain itu, data dan maklumat melalui kaedah ini juga dapat dikumpul melalui temu bual dan observasi<sup>29</sup>.

### **1.8.1 Metode Soal Selidik.**

Dalam kajian ini, kaedah soal selidik turut menjadi keutamaan. Melalui kaedah ini penulis telah menyediakan soalan-soalan berbentuk tertutup. Pemilihan sample adalah

---

<sup>28</sup> Azizah Hamzah, *Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya*, Kertas Kerja Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<sup>29</sup> Idris Awang (2009), *op.cit.*, h.68

dipilih secara rawak yang mana warga 21 RAMD yang berkekuatan seramai 590 orang termasuk pegawai dipilih sebagai populasi<sup>30</sup>. Soalan-soalan diedarkan kepada pegawai, anggota lain-lain pangkat, isteri dan anak-anak anggota.<sup>31</sup> Walaupun begitu, tumpuan utama kaji selidik kajian ini hanya memberi fokus kepada pegawai dan anggota lain-lain pangkat kerana mereka merupakan sasaran utama tugas dan tanggungjawab anggota KAGAT dalam membina pendirian akhlak, keteguhan dan disiplin yang kukuh di kalangan anggota ATM berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan. Borang kaji selidik akan diedarkan kepada warga 21 RAMD Kem Pengkalan Chepa Kelantan meliputi isteri dan anak-anak anggota tentera. Jumlah mereka yang dilibatkan dalam kajian ini adalah seramai 240 individu dalam Batalion Ke-21 RAMD meliputi pelbagai peringkat iaitu 20 soalan untuk Pegawai, 180 soalan untuk anggota LLP, 20 soalan untuk ahli BAKAT atau isteri-isteri anggota dan 20 soalan untuk kanak-kanak atau anak-anak anggota Batalion Ke-21 RAMD.<sup>32</sup>

Soalan-soalan tersebut secara umumnya telah dipecahkan kepada tiga bahagian dan keseluruhannya mengandungi 53 soalan. Bahagian A berkenaan dengan personaliti responden dan ianya dibahagikan kepada 7 soalan. Bahagian B menyentuh perkara yang berkaitan dengan penilaian peribadi responden terhadap perkhidmatan KAGAT dan ia dibahagikan kepada 9 soalan. Bahagian C pula adalah berkenaan dengan komitmen responden terhadap sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan terhadap warga 21 RAMD terutamanya anggota ATM itu sendiri. Sebanyak 37 soalan telah dikemukakan dibahagian ini. Soalan-soalan ini diajukan adalah bertujuan untuk menilai dan

---

<sup>30</sup> 21MD/PUT/G1/A/01 Penyata Kekuatan 21 RAMD Tahun 2008, bertarikh 11 Dis 2008.

<sup>31</sup> [http://www: Creative Research Systems: Sample Size Calculator, Confidence Level, Confidence Interval, Population Size, Relevant Population, Mozilla Firefox.](http://www.CreativeResearchSystems.com)

<sup>32</sup> [http://www: Random. Org/Integers.](http://www.Random.Org/Integers)

mengenalpasti sejauhmanakah sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan meliputi pegawai, anggota LLP, BAKAT dan anak-anak anggota. Positif atau negatifnya jawapan yang diberi, akan dapat menilai sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan kepada warga ATM khususnya kepada warga 21 RAMD, Kem Pengkalan Chepa Kelantan.

### **1.8.2 Metode Temubual.**

Melalui metod temubual secara temubual akademik atau kata takrifan lain sebagai interaksi sosial. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan mengesahkan maklumat yang sedia ada.<sup>33</sup> Selain itu individu yang akan ditemubual bebas daripada unsur hiburan atau paksaan.<sup>34</sup> Penulis telah melakukan temubual secara tematik atau dikenali sebagai temubual tanpa struktur berasaskan kepada sorotan literatur dan teori yang telah digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Untuk itu penulis telah memilih beberapa orang yang ditemubual seperti Panglima Angkatan Tentera (PAT), Panglima Tentera Darat (PTD), Panglima Pemerintahan Medan Tentera Darat (PPMTD), Pengarah KAGAT, Timbalan Pengarah Pentadbiran dan Pengurusan (TPP), Timbalan Pengarah Operasi (TPO) Jabatan Arah KAGAT Pegawai Kanan, Pegawai Memerintah, Pegawai Medan dan PTT Kanan yang berautoriti dalam memberikan data yang diperlukan. PAT adalah Ketua Angkatan Tentera terkanan merangkumi Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara manakala Panglima Tentera Darat merupakan ketua tentera bagi Tentera Darat Malaysia begitu juga Panglima Pemerintahan Medan Tentera Darat merupakan panglima tentera yang bertanggungjawab terhadap angkatan tentera darat bagi tujuan

---

<sup>33</sup> Normala Ali, Mohamad Sharif Mustaffa dan Rosli Ahmad, *Pendekatan Temubual sebagai Metod Kajian Kes: Satu Persepsi dikalangan Pelajar Perempuan Cemerlang terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*, Kertas Kerja Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

<sup>34</sup> Idris Awang (2009), *Ibid*, h. 71

pengoperasian atau peperangan. Tujuan penulis menemubual mereka ini antara lain ialah untuk mengesahkan fakta-fakta mengenai sejarah penubuhan KAGAT, kepimpinan yang pernah menerajui KAGAT, penubuhan KAGAT dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Selain itu satu sesi temubual lain dibuat terhadap pegawai-pegawai Kanan KAGAT dan juga pegawai-pegawai tentera biasa bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Penulis tidak akan mensasarkan temubualnya kepada golongan Pegawai Muda dan Prebet kerana mereka merupakan golongan yang baru sahaja menyertai angkatan tentera. Temubual dengan pegawai-pegawai KAGAT akan difokuskan kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti KAGAT, perancangan semasa dan perancangan masa hadapan bagi memajukan KAGAT. Temubual dengan anggota biasa pula berkisar kepada pandangan mereka terhadap peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT, adakah KAGAT telah berjaya untuk berperanan dalam bidang tugasnya atau sebaliknya. Penulis akan menjadikan Batalion Ke-21 RAMD yang berpangkalan di Kem Pengkalan Chepa, Kelantan sebagai populasi untuk ditemubual bagi menilai kemampuan KAGAT yang sebenarnya mengikut pandangan mereka.

### **1.8.3 Metode Historis.**

Metode historis juga digunakan oleh penulis bertujuan untuk mendapatkan fakta yang tepat dan sahih berkaitan sejarah dan beberapa perkara lain. Sejarah yang dikaji dalam kajian ini adalah sejarah penubuhan KAGAT daripada catatan sejarah yang terdapat di perpustakaan Jabatan Arah KAGAT ataupun daripada penceritaan mereka yang pernah

terlibat dengan penubuhan organisasi ini. Dalam kajian ini, metode historis juga telah digunakan untuk mendapatkan data dalam bahagian pendahuluan ATM, RAMD dan sejarah Batalion Ke-21 RAMD. Antara contoh bahan yang akan diperolehi daripada bahagian ini ialah risalah-risalah yang berkaitan dengan sejarah penubuhan KAGAT, sebab-sebab penubuhan dan bahan-bahan lain yang ada kaitan dengan penubuhan KAGAT.

#### **1.8.4 Metode Observasi (Pengamatan).**

Selain kaedah temubual, penulis juga telah menggunakan metode observasi. Metode observasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan data secara langsung terhadap objek pemilihan.<sup>35</sup> Melalui metode ini, penulis akan memberikan sepenuh perhatian kepada KAGAT bermula dari awal penubuhannya sehinggalah ke hari ini. Penulis akan membuat penilaian berdasarkan kepada pengamatan dan pengalaman penulis sepanjang berkhidmat dengan KAGAT. Penulis akan memberikan pandangan berdasarkan kepada pengamatan penulis sendiri. Ini adalah kerana, penulis telah berpengalaman bekerja di ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat (TD), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Penulis merasa begitu bertuah dan bersyukur kerana jarang sekali warga KAGAT merasai pengalaman tersebut. Berdasarkan kepada perkhidmatan dan penugasan yang berbeza inilah maka, penulis akan membuat observasi terhadap KAGAT dalam menilai sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan.

---

<sup>35</sup> Danu Wira Pangestu (2006), *Dasar Teori Metodologi Penelitian*, Kertas Kerja S1 Teknik Informatika, Universitas PGRI Yogyakarta.

### **1.8.5 Metode Penentuan Subjek.**

Metode ini digunakan oleh penulis untuk menghasilkan tajuk kajian dan juga sub-sub topik di dalam tajuk ini. Penulis juga akan menggunakan metode sampling atau contoh dalam menentukan subjek penelitian dan pengamatan. Dalam hal ini, penulis akan menjadikan pengalaman tempat bertugas yang merangkumi ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara sebagai subjek penelitian dan pengamatan dari sudut pandangan terhadap KAGAT. Pemilihan 21 RAMD yang berpangkalan di Kem Pangkalan Chepa, Kelantan sebagai bahan sampel dalam kajian penulis adalah kerana penulis sendiri pernah berkhidmat di Kem Pangkalan Chepa selama hampir empat tahun. Pengalaman yang agak lama di sana memudahkan penulis untuk membuat sebarang analisis dan kaji selidik. Penulis turut menggunakan kaedah temubual bagi mengenal pasti pandangan mereka. Pengalaman penulis di Markas Medan Tentera Darat selama hampir empat tahun dan hampir setahun di Tentera Laut iaitu KD Pelandok Lumut dan kini hampir tujuh tahun bersama Tentera Udara iaitu Pangkalan Udara Subang turut menjadi kelebihan dan memudahkan lagi penulis membuat kajian. Hasil daripada kajian tentang tajuk-tajuk kajian ilmiah, disertasi, tesis, buku-buku dan maklumat semasa yang lain, penulis telah memilih untuk memfokuskan kajian mengenai KAGAT yang merupakan satu-satunya Kor yang memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam menerapkan 'Dasar Pembinaan Mental dan Rohani Islam'. Tumpuannya adalah kepada sejarah penubuhan dan pelaksanaan aktiviti keagamaan dalam ATM. Realiti pelaksanaannya turut dinyatakan oleh penulis ketika bertugas bersama Batalion Ke-21 RAMD.

Daripada tajuk “Sumbangan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) Dalam Aktiviti Keagamaan: Kajian pelaksanaannya dalam Batalion Ke-21 Rejimen Askar Melayu DiRaja” ini, penulis telah memecahkannya kepada sub-sub topik yang dikira penting untuk mencapai objektif kajian pada bab-bab seterusnya.

#### **1.8.6 Metode Berdoktrin.**

Metode ini merupakan satu metode utama yang meletakkan prinsip asas yang bersumberkan kepada dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis bagi menyokong segala fakta dan idealisme yang akan diutarakan oleh penulis di dalam kajian.

#### **1.8.7 Metode Analisis Data.**

Pengumpulan data yang sempurna akan melahirkan sebuah analisis ke atas data-data yang kemas. Maka penulis menggunakan dua kaedah penting dalam penghasilan tersebut. Metode kaedah *Induktif* merujuk kepada maksud penganalisan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum juga dikenali sebagai kaedah *Istiqra’i*. Manakala kaedah Deduktif pula menurut usul fikah adalah sebuah kaedah *Istinbati*<sup>36</sup>.

Selain itu, metode Induktif merupakan cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil

---

<sup>36</sup> Louay Safi ( 1998 ), *op.cit*, h 40

umum<sup>37</sup>. Dalam erti kata lain, sebuah penyelidikan itu bermula dengan data yang terhad dan berasingan secara genertif mengumpul dan menelitinya sehingga menghuraikan persoalan agar lebih jelas. Pada masa yang sama perkaitan antara fakta terus menerus dibina bagi membantu penyelidikan dalam membuat interpretasi terhadap apa yang didapati<sup>38</sup>.

### **1.8.8 Metode Induktif.**

Penulis menggunakan metode ini dalam membuat kajian di kalangan warga 21 RAMD, Kem Pangkalan Chepa iaitu tempat pertama penulis pernah berkhidmat sebagai sampel bagi melihat sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan.

Metod ini merupakan satu keperluan dalam kajian penulis terutamanya ketika berada di bab yang keempat kerana pada bab inilah berlakunya proses penganalisan data dalam kajian penulis. Hasil daripada analisis yang berbentuk khusus inilah penulis akan membuat kesimpulan secara menyeluruh mengenai sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan di pasukan.

### **1.8.9 Metod Deduktif.**

Adapun kaedah deduktif pula merupakan cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada

---

<sup>37</sup> Pete A. Angeles ( 1981 ), *A Dictionary of Philosophy*. London, Harper and Row Publisher, h. 132.

<sup>38</sup> Idris Awang ( 2001 ), *Op.cit.* h 82

dalil umum terhadap dalil khusus<sup>39</sup>, namun perbezaan antara kaedah deduktif dan induktif adalah berdasarkan kepada pergerakannya dari yang bersifat umum menuju kepada yang lebih khusus, iaitu apa yang digagas atau diteorikan dengan keadaan yang sebenar berlaku dalam situasi yang dikaji<sup>40</sup>.

Bagi memahami perjalanan proses ini, penulis akan cuba untuk melakukan penganalisaan data di mana data-data yang diperolehi hasil daripada kaji selidik, temubual dan sebagainya terhadap warga tentera termasuk isteri dan anak-anak tentera akan dirumuskan dalam bentuk khusus. Proses ini amat penting kerana data-data yang terkumpul dan yang diperolehi akan dapat diperjelaskan dengan lebih terperinci lagi. Kaedah ini banyak digunakan oleh penulis sewaktu mengkaji pelaksanaan aktiviti keagamaan dalam pasukan. Melaluinya penulis membuat kesimpulan-kesimpulan yang berkaitan. Metode ini berlaku seiring dengan metode lain pada keseluruhan kajian ini khususnya bab 4 dan bab 5.

#### **1.8.10 Metod Komparatif.**

Metod ini boleh dikatakan sebagai cara untuk membuat kesimpulan perbandingan terhadap data, pendapat dan fakta yang diperolehi semasa melakukan penyelidikan dan penelitian. Persoalan-persoalan berkenaan dengan responden seperti umur, tempoh lama perkhidmatan sejarah perkhidmatan KAGAT, pelaksanaan aktiviti keagamaan dari sudut ibadah, ilmu pengetahuan dan sebagainya akan diambil kira ketika membuat perbandingan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kesan daripada mengikuti program yang dianjurkan

---

<sup>39</sup> Pete A. Angeles ( 1981 ), *op.cit.* h. 55

<sup>40</sup> Idris Awang ( 2001 ), *op.cip.* h 83

juga akan dinilai bagi melihat sejauh manakah sumbangan yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan di pasukan.

Melalui metod ini juga penulis akan membuat perbandingan mengenai pendapat responden terhadap keberkesanan dan kelemahan yang mungkin wujud terhadap apa yang telah dilaksanakan oleh KAGAT. Pengetahuan yang sedemikian adalah penting untuk diketahui oleh pimpinan KAGAT agar muhasabah dan pengislahan dapat dilaksanakan terhadap beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti.

## **1.9 RINGKASAN KAJIAN**

### **Bab Pertama**

Penyusunan yang sistematik dapat menghasilkan corak penulisan yang menarik. Bagi penulisan kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian penting mewakili lima bab. Bab asas utama adalah tunjang kepada pembentukan sebuah kajian, lalu di dalamnya terkandung pendahuluan, latar belakang kajian, pengertian tajuk, skop kajian, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, sorotan literature dan pengakhirnya sebuah sistematika yang kemas atas sebuah penulisan.

## **Bab Kedua**

Penulisan dalam bab ini akan dimulakan dengan pendahuluan sekitar persoalan peperangan di dalam Islam. Bagi melihat penulisan ini agar ianya nampak lebih tersusun rapi maka, penulis akan membahagikan penulisan ini kepada beberapa bahagian perbincangan yang tertentu. Antara perkara yang akan dijadikan topik perbincangan di dalam bab ini ialah mengapa kita perlu mempelajari peperangan dalam Islam, matlamat peperangan dalam Islam, peperangan sebagai satu pendekatan dakwah dan hukum berperang di dalam Islam.

Seterusnya, penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi tentang matlamat peperangan Rasulullah S.A.W., persediaan dan persiapan ketenteraan yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. serta semboyan, doa dan tawajuh Rasulullah S.A.W. di medan peperangan bagi melihat perbezaan terhadap budaya peperangan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Arab mahupun bangsa lain sebelum kedatangan Islam.

## **Bab Ketiga**

Penulisan yang seterusnya ialah memperkenalkan sejarah awal ATM, struktur dan organisasinya, Tentera Darat Malaysia dan hieraki pemerintahannya sehinggalah kepada kewujudan KAGAT. Di dalam bahagian ini juga, penulis akan membahas dan memperkenalkan KAGAT dengan lebih terperinci lagi di samping faktor-faktor yang membawa kepada penubuhannya. Matlamat penubuhannya juga akan disentuh oleh penulis bagi melihat dengan lebih dekat lagi kepentingan KAGAT dalam ATM.

Jika dilihat daripada apa yang akan dibahaskan dalam bahagian ini, kita akan dapat membuat kesimpulan bahawa nadi kepada penulisan ini akan bermula di sini. KAGAT akan diperkenalkan bagi memulakan kajian bersesuaian dengan tajuk penulisan tesis ini dibuat. Di dalam bahagian ini juga, penulis akan menyentuh dengan panjang lebar perkara yang berkaitan dengan organisasi KAGAT terutamanya peranan dan sumbangan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan.

#### **Bab Keempat**

Di dalam bab ini, penulis akan membuat analisis terhadap pencapaian KAGAT dalam misinya dan mencari jalan penyelesaian bagi melicinkan serta memantapkan KAGAT di masa hadapan. Penulis akan membuat analisis bagi melihat sumbangan dan kejayaan KAGAT dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan terhadap Pegawai, anggota LLP, BAKAT dan tidak ketinggalan anak-anak mereka bagi menilai sumbangan yang telah dimainkan oleh KAGAT.

Antara kaedah utama di dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kajian lapangan menggunakan kaji selidik kualitatif di kalangan sejumlah responden di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Beberapa persoalan penting ditanyakan kepada responden berkenaan persepsi dan sumbangan KAGAT kepada ATM. Seterusnya, penulis menggunakan menganalisis Data yang diperolehi dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Science (SPSS)*” versi 15.

Penulis turut menggunakan metode temubual bagi tujuan penyelidikan ini. Temubual adalah perlu kerana tidak mungkin dapat menilai kejayaan KAGAT jika anggota KAGAT sahaja yang dipilih sebagai bahan sampling dan sudah pasti ianya akan memberikan jawapan yang positif terhadap segala persoalan yang ditimbulkan. Oleh yang demikian, warga anggota tentera biasa adalah yang paling berkecenderungan untuk menilai KAGAT sama ada telah berjaya dalam misinya atau sebaliknya. Untuk itu, penulis akan melibatkan golongan yang akan membuat penilaian ini terdiri daripada pimpinan atasan yang bergelar Panglima, Pegawai Memerintah dan pegawai-pegawai di 21 RAMD serta wakil anggota LLP yang terdiri daripada PTT Kanan dan PTT Rendah. Antara objektif yang hendak dicapai dalam temubual ini ialah bagi mengenal pasti sumbangan dan pencapaian yang telah dilaksanakan oleh KAGAT di dalam memberi sumbangannya terhadap pelaksanaan aktiviti keagamaan.

## **Bab Kelima**

Di akhir bab penulis akan membuat beberapa kesimpulan dan cadangan bagi memantapkan lagi organisasi KAGAT. Apa yang akan dilakukan oleh penulis di dalam bahagian ini ialah penulis akan membuat pengamatan sendiri berdasarkan kepada pengalaman penulis yang sedang berkhidmat dalam KAGAT dan pengalaman penulis yang telah berkhidmat di ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Darat, Laut dan Udara yang ketika ini hanya segelintir kecil warga KAGAT yang telah melaluinya termasuk penulis. Melalui pengamatan terhadap beberapa kelemahan telah dikenalpasti dan jalan penyelesaiannya turut dicari bagi memastikan KAGAT agar tidak terus merasa berdabit dada, mengangkat dada berbangga dengan pencapaian yang telah dilaksanakan dalam memberi sumbangannya

terhadap aktiviti keagamaan dengan cara sentiasa mengemaskinikan pelaksanaan tugas agar ianya sentiasa kelihatan mantap dalam melaksanakan penugasan yang telah diamanahkan kepadanya.